

DAERAH BATU PAHAT:  
(1880 - 1917)

Satu kajian ringkas mengenai Per-  
kembangan Pentadbiran Daerah-  
daerah Dalam Negeri Johor. \*

Oleh

M.A. FAWZI MOHD. BASRI  
*Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Berikutan dari persetujuan antara Temenggong Ibrahim dengan Sultan Ali dalam tahun 1855<sup>1</sup> itu, Temenggong Ibrahim diiktiraf sebagai pemerintah *de facto* Negeri Johor. Sedari awal lagi pusat pentadbiran Negeri Johor ialah di Teluk Belanga, Singapura.

Abu Bakar, puteranya kemudian pindah segera dalam tahun 1850'an ke Ibu Negeri Johor di 'Iskandar Puteri' kemudian dikenali sebagai Johor Bahru.<sup>2</sup> Temenggong Sri Maharaja Ibrahim mentadbir negeri Johor kecuali kawasan antara Tebing Kiri Sungai Muar dengan Sungai Kesang. Dalam tahun 1862 Ungku Abu Bakar menaiki takhta Johor dengan gelaran 'Maharaja Abu Bakar'. Ditahun lima pulohan dan enam pulohan itu di jajahan-jajahan Johor seperti Muar, Batu Pahat, bahagian Pantai Barat dan Timur Johor sudahpun ada institusi kepimpinan (*Leadership*). Di Muar selain dari Penghulu-Penghulu terdapat *Temenggong Paduka Tuan*.<sup>3</sup> Di-

---

\*Artikel ini diubahsuaikan dari Latihan Ilmiah saya, *Sejarah Ringkas Batu Pahat: 1880-1917*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971/72.

<sup>1</sup> Huraian tentang Persetiaan itu dan sejarah Johor dapat dilihat dari Hj. M. Said, *Buku Teriti Johor dengan pertambahannya*, Johor Bharu, 1915 dan *Hikayat Johor dan Tawarikh Al-Marhum Sultan Abu Bakar*, M.P.H., 1940. Juga R.O. Winstedt, "A History of Johore, 1365-1895" dalam *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. X, Bahagian 3, 1932.

<sup>2</sup> Dalam tahun 1958 di Tanjung Puteri [Iskandar Puteri] itu didirikan pejabat kecil dan Raja Ahmad sebagai *Residen* pertama yang mempunyai kuasa-kuasa Polis, pengeluaran undang-undang dan warden.

<sup>3</sup> Lihat, R.O. Winstedt, "The Temenggongs of Muar" dalam *JMBRAS*, Vol. X, Bahagian I, 1932, ms. 30 dan seterusnya, dan "Genealogy of the Temenggongs of Muar" dalam *Peninjau Sejarah*, (Kuala Lumpur), Vol. III, No. 1, April, 1968, ms. 60.

tempat lain pula kedapatan pemimpin tempatan seperti Orang Kaya-Kaya Setia, Penghulu, Jenang-Jenang dan Menteri. Dan jawatan yang terakhir itu adalah jawatan terkecil yang bertugas membantu penghulu. Pada keseluruhannya jawatan-jawatan itu adalah diwarisi (*ascribed*). Dalam tahun 1877 setelah kemangkatan Sultan Ali Kesang wilayah Kesang itu menjadi Jajahan Johor semula. Penyerahan secara formal dan muktamad ialah dalam tahun 1879 sesudah meletusnya perang saudara di Jementah.<sup>4</sup>

Sehingga tahun 1885 Johor telah mempunyai sistem pentadbiran yang teratur dan hampir-hampir serupa dan lengkap seperti Pentadbiran Inggeris di Singapura. Kesemua *staff*nya terdiri dari orang Melayu. Beberapa orang Inggeris telah dipekerjakan sebagai Penasihat di Jabatan-jabatan tertentu.<sup>5</sup>

Sejak tahun 1862 Maharaja Abu Bakar telah menyusun jentera pentadbiran Negeri, telah ditubuhkan satu Jemaah Menteri di bawah pimpinan Datuk Menteri Besar. Sebuah Majlis Mesyuarat Negeri yang dianggotai oleh 23 orang golongan aristokrat dan orang-orang biasa juga. Malah sebuah Sekretariat Negeri juga telah dibentuk di Setiausaha Negerikan oleh Datuk Sri Amar Di Raja Abdul Rahman Andak. Keseluruhan Menteri Johor itu mendapat didikan moden dan berpengetahuan Inggeris dan lain-lain bahasa lagi. Abdul Rahman Andak selain dari Setiausaha Negeri beliau juga menjadi Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, terutama hubungan dengan Britain.<sup>6</sup> Selain dari berpendidikan Inggeris, beliau juga mendapat didikan ugama dan sekolah Melayu. Beliau disifatkan oleh Inggeris, terutama Gabenor Weld sebagai 'penghalang' kemasukan pengaruh British di Johor dalam tahun 1890an. Memang Datuk Amar bertanggungjawab menasihati Sultan. Dengan pujuk rayu Inggeris, Sultan Ibrahim telah memberhentikan Datuk Amar dari jawatan penting itu dalam tahun 1909. Ibrahim tidak biasa mengkaji implikasi British itu. Akibatnya dalam tahun 1910, G.C. Campbell telah dipersetujui menjadi *General Advisor* Negeri Johor. Seterusnya daerah-daerah besar diletakkan dibawah *Assistant Adviser* yang mempunyai kuasa Majestrit dan Tanah. Datuk Amar juga pelupur dan penubuh *Pakatan Belajar-mengajar Pengetahuan Bahasa* (P.Bm.P.B.) yang ditubuhkan ditahun 1884. Pakatan ini giat dalam soal-soal bahasa. Hal

---

4 Mengenai Perang Jementah itu huraian ringkas sila lihat Mohd. Hj. Alias, *Tarikh Datuk Bentara Luar* 1928 di bawah judul 'Perang Jementah'. Lihat juga Anon, *Chenderamata Sambutan Perayaan Merdeka Muar*, 1957, *passim*.

5 Pemerian ringkas pentadbiran Johor sila lihat M.A. Fawzi Basri, "Johor Negeri yang Tidak Pernah ditakluk oleh Inggeris," dalam *Berita Minggu*, Kuala Lumpur, 12hb. Mac, 1972.

6 Lihat *Singapore and Straits Directory* (selepas ini *SSD*), 1883, ms.4.

ehwal pentadbiran jajahan atau daerah pula diletakkan di bawah kawalan Menteri Pelajaran dan Jajahan Datuk Mohamad Mahbob.<sup>7</sup> Namun begitu berikutan dari perubahan *Portfolio* awal tahun 1890'an Hal Ehwal dan Pentadbiran Daerah diletakkan pula di bawah Pesuruhjaya Besar (*General Commissioner*), jawatan yang baru dimulakan oleh Ungku Sulaiman.<sup>8</sup>

Di Daerah-daerah dan Jajahan Johor pula pentadbirannya diletakkan di bawah Pesuruhjaya Kerajaan bagi Daerah-daerah iaitu di Muar dan Batu Pahat. Manakala kawasan selain pantai Barat Johor yang lain ditadbirkan oleh Datuk Penggawa Barat, kawasan Pantai Timur Johor pula ditadbir oleh Datuk Penggawa Timur. Kawasan kecil yang lain seperti Segamat<sup>9</sup>, Tangkak, Keluang, Parit Jawa pula diletakkan di bawah tadbir Pegawai-pegawai Daerah ketika itu. Manakala kawasan-kawasan pulau diletak Pegawai-pegawai Bertugas (*in charge*).

Batu Pahat sebelum tahun 1893 telahpun ada institusi Orang Kaya-kaya di Minyak Beku dan Bagan. Orang Kaya-kaya ini dan Penghulu-Penghulu pula mentadbirkan beberapa kumpulan kampung. Dalam menjalankan tugas berat itu Penghulu-Penghulu dibantu oleh Jenang-Jenang dan Menteri yang bertaraf Naib Penghulu atau Ketua Kampung. Sebelum tahun 1893, kesemua Penghulu-Penghulu dan Orang Kaya-Kaya itu merujukkan segala halnya ke Johor Bahru.

Batu Pahat adalah jajahan (daerah) ketiga dibangunkan (dibuka) dan ketiga terbesar dan terpenting diabad ke 19 itu. Untuk perbin-cangan dari aspek pentadbirannya, dapatlah dibahagikan kepada empat unit pentadbiran, iaitu, Daerah, Lembaga Bandaran, Mukim dan Kampung. Pembahagian kepada unit-unit itu adalah longgar. Namun ianya disusun begitu bagi menunjukkan 'kepentingan' dan lebih berstruktur lagi.

Pentadbiran berdaerah bermula dengan pembangunan Bandar Batu Pahat pada Disember 2, 1893. Sebelum tarikh itu, pada 1883 telah dirancang juga pembukaan sebuah bandar di Batu Pahat, di Bukit Senangin, Kampung Tambak, tetapi perancangan oleh Dato Yahya

---

<sup>7</sup> Beliau telah digunakan oleh British sebagai alat untuk British bertapak di Johor. Datuk Mohd. dalam tahun 1909 menggantikan jawatan Datuk Amar sebagai Setiausaha Negeri, dan pernah menjadi Menteri Besar (1920-22). Tektik British mempengaruhi Sultan, sila lihat dalam E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula*, Vol. 1, 1888-1910, Singapore, 1969, 108.

<sup>8</sup> Sebelum itu pernah jadi Residen Johor di Muar dan Kesang mulai tahun 1884.

<sup>9</sup> Segamat kemudian diletakkan dibawah pentadbiran seorang *Pesuruhjaya Kerajaan* bila Endau dimasukkan dalam pentadbiran Mersing.

Awaludin itu dengan bantuan serta kerjasama Penghulu-Penghulu setempat telah gagal<sup>10</sup> disebabkan oleh faktor ilmu alam dan ekonomi.

Kawasan Simpang Kiri dan Simpang Kanan adalah kawasan besar di bawah Penghulu Kitam b. Dewasin dan Penghulu Rahmat b. Ragam. Kedua-dua kawasan itu memang sesuai sebagai tapak pusat bandar kerana adanya sungai-sungai besar yang boleh dijelajahi hingga ke hulu. Penghulu-Penghulu itu telah terus mahukan pembenaan bandar setelah gagal dibangunkan dalam tahun 1883 itu. Kemajuan Bandar Maharani mencabarkan keupayaan pemimpin-pemimpin Batu Pahat bagi mencipta sebuah bandar. Lantas kedua-dua Penghulu itu terus memohon pembukaan Bandar Batu Pahat, kali ini mereka meminta jasa baik Datuk Bentara Luar<sup>11</sup> melalui Sultan Abu Bakar.

Akhirnya Abu Bakar, Sultan Johor telah memanggil Datuk Bentara Luar mengadap di Istana Johor Bahru pada 10hb. November, 1893 dan Abu Bakar memberitahu:<sup>12</sup>

“Aku disusahkan oleh Penghulu Rahmat dan Kitam, jangan engkau semua bersumpah dan tidak engkau ikut apa perintah dia kelak, dijawab dengan aku, tidak sekali-kali. Taat apa-apa perintah Datok - Aku fikir moleklah engkau buka Batu Pahat itu, di mana jua anggaran engkau hendak dijadikan bandar, aku serta dan aku mengaku dengan engkau, waktu ini tidak ada wang, aku banyak hutang, apa jua fikiran engkau menjadikan Batu Pahat itu” [sic].

Pada 2hb. Disember, Datuk Bentara Luar memulakan projek membangunkan bandar pusat pentadbiran daerah. Sudah jadi dasar beliau

---

<sup>10</sup> Daud Sulaiman, *Rengkasannya Tawarikh Orang Kaya-kaya dan Penghulu Batu Pahat*, Muar, 1955. 33, dan lihat juga *Batu Pahat 10 Tahun selepas Merdeka*, Batu Pahat, 1968. 21.

<sup>11</sup> Datuk Bentara Luar, nama sebenarnya Mohd. Salleh Perang. Pada masa itu beliau menjadi Menteri dengan Tugas-Tugas Khas mengenai Ladang Gambir dan lada, dan merangkap Pesuruhjaya Kerajaan di Muar. Kebolehan beliau berbahasa Cina dan mengetahui budaya Cina merupakan alat penting bagi pentadbiran Johor dan daerah khasnya. Untuk penerangan mengenai Datuk Bentara Luar sila lihat M.A. Fawzi Basri, “Datuk Bentara Luar: Peranannya dalam konteks Sejarah Johor Moden”, dalam *Jurnal Sejarah*, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Jil.X; 1971/72.

<sup>12</sup> A. Mohd. Haji Alias, *Tarikh Datuk Bentara Luar*, 32; dan Daud Sulaiman, *Tawarikh Orang Kaya-kaya*, 34.

membuka bandar di Kuala-kuala sungai seperti di Muar dan Endau. Di Batu Pahat beliau telah memilih kawasan Kuala di Simpang Kanan. Dalam tahun itu, ladang-ladang kopi dan ladang-ladang gambir dan lada telahpun sedia ada di situ. Oleh itu pelabuhan atas dermaga adalah diperlukan bagi mengawal eksport dan impot. Faktor keselamatan dari segi ilmu alam dan jiwa serta harta benda adalah penting. Maka tidaklah hairan jika di Penggaram dipilih sebagai tapak bandar.

Di dalam membangunkan Batu Pahat, Datuk Luar tidak mendapat apa-apa bantuan dari pemerintah Johor. Sebaliknya beliau telah meminjam wang dari Orang Kaya-Kaya Bagan dan wangnya sendiri untuk membiayai kos pembangunan itu.

Pada bulan Januari 1894, terdirilah sebuah bandar dan pusat pentadbiran daerah Batu Pahat. Bangunan-bangunan atap bagi pejabat-pejabat Kerajaan, mahkamah dan pejabat polis, pejabat pos juga telah dibena. Daerah Batu Pahat itu mengadakan perasmian dan penamaan bandar itu sebagai 'Bandar Penggaram',<sup>13</sup> pada 1hb Disember.

Mulai tahun itu juga buat pertama kalinya Batu Pahat ditadbir oleh 'Pesuruhjaya Kerajaan Memerentah Batu Pahat'. Yang menarik sekali ialah sehingga tahun 1911 kesemua pegawai-pegawai kanan dan kakitangan kerajaan keseluruhannya terdiri dari orang Melayu. Manakala buruh-buruh pula terdiri dari berbagai-bagai bangsa. Struktur penjawatan pentadbiran Daerah itu sehingga tahun 1910 adalah seperti berikut:<sup>14</sup>

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| Dato Bentara Luar     | - Wakil Raja memerentah Batu Pahat <sup>15</sup> |
| Abdul Rahman Hamidun  | - Setiausaha dan Tukang Wang                     |
| Hj. Yaakob Md. Salleh | - Penolong Pesuruhjaya Tanah dan Ukur            |

---

<sup>13</sup> Telah timbul perbezaan pendapat di kalangan penulis Sejarah Tempatan mengenai asal usul nama Bandar Penggaram itu. Antaranya sempena nama tempat menggar ikan, nama orang tua disitu Tok Penggaram Saya lebih sudi memilih sebagai sempena nama kampung itu Penggaram. Untuk perbandingan sila lihat H.M. Said, *Malaya, Unfederated Malay State*, Johor Bahru, 1939, 51; dan Daud Sulaiman, *Tawari kh Orang Kaya-kaya*, 37. Lihat juga Othman Hamid (ed), *Majallah Sambutan Perayaan 60 tahun*, Johor Bahru, 1955, *passim*, dan wawancara dengan Sharum Hussein pada 12hb. Mac, 1971.

<sup>14</sup> Daud Sulaiman, *Tawari kh Orang Kaya-kaya*. Hanya terdapat beberapa nama dan jawatan Penterjemah (*Interpreter*) Cina dan India. Jelas bumiputera Johor dapat mencapai kemajuan dalam perjawatan tanpa diketahui oleh seorang Pegawai Inggeris.

<sup>15</sup> Lebih formal sebagai 'Pesuruhjaya Kerajaan bagi Batu Pahat' mempunyai kuasa sebagai mejisteret dan tanah. Kuasa-kuasa ini berakhir dengan kemasukan 'Penolong Penasihat Am' Inggeris pada 1911. Sistem pentadbiran *parallelisma* ini bermatlamat untuk menghapuskan kuasa Pesuruhjaya Kerajaan.

Sulaiman Md. Salleh	- Ketua Kerjaya, Bandaran dan Ukur
Syed Abdul Rahman	
Abdullah Al Habshi	- Naib Pengadil
Inspektor Haji Salim	- Ketua Polis
Sulaiman Ali	- Pegawai Daerah Tanjong Laboh

Dalam tahun 1911, menjelma pula sistem pentadbiran yang "parallelisma" dalam mana *Pesuruhjaya Kerajaan Daerah* berpadu dengan *Pegawai Daerah* yang berbangsa Inggeris dikenali sebagai 'Penolong Penasihat' (*Assistant Adviser*) menjalankan pentadbiran.<sup>16</sup> J.L. Humphreys telah dilantik menjadi Penolong Penasihat yang pertama di Batu Pahat<sup>17</sup> dan diberi tugas dan kuasa-kuasa Mejjisteret, Pemungut Khazanah, tanah dan hasil-hasil daerah. Dalam bulan Mac, Ungku Ahmad Mohd. Khalid telah dilantik oleh pemerintah sebagai *Pesuruhjaya Kerajaan*<sup>18</sup> menggantikan Datuk Bentara Luar.

Sistem pentadbiran yang 'berseiringan' ini memperkemaskan lagi sistem pentadbiran yang sedia ada. Sedari awal perasmian bandar, daerah ini mempunyai Jabatan-jabatan tertentu yang berjaya mengendalikan dan bertanggungjawab di atas kemajuan daerah. Antaranya ialah Pejabat *Pesuruhjaya Kerajaan*, Pejabat Penolong Penasihat, Pejabat Pelindung Orang-orang Cina, Pejabat Tanah, Mahkamah, Pos, Pejabat Pelajaran, Syahbandar dan Lembaga Kesihatan.<sup>19</sup> Tidak kurang dari 11 jabatan-jabatan telah dibentuk dalam tahun 1914.<sup>20</sup>

Lembaga Bandaran (Town Board) adalah yunit pentadbiran kedua pentingnya. Walaupun kawasannya terbatas, namun kemajuan bandar adalah tanggungjawabnya yang penting. Pembentukan Lembaga ini tidak formal dalam tahun 1890'an dan kawasan-kawasan pentadbirannya tidak begitu jelas. Di awal tahun 1912, Lembaga itu diwartakerajaan dan kawasan pentadbirannya telah ditetapkan:

*Sempadan:* Bermula disepanjang Parit Sungai Penggaram dan

---

<sup>16</sup> R. Emerson, *Malaysia - A study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur, 1966. 212.

<sup>17</sup> *Johore Government Gazette* (singkatan *JGG*), Jun 1, 1911, ms. 112.

<sup>18</sup> *Ibid.* Jawatan PKBP berakhir pada tahun 1941. Diganti dengan jawatan Pegawai Daerah.

<sup>19</sup> *SSD*, 1916, ms. 508.

<sup>20</sup> *Laporan Pesuruhjaya Kerajaan bahagian Batu Pahat, 1914*, ms. 7.

mengikut tebing kiri Parit Sungai Penggaram terus hingga kepersimpangan di Jalan Fatimah. Kemudian mengikut Jalan Fatimah hingga ke simpang dan pertemuannya dengan Jalan Ismail ke simpang Jalan Mohd. Akil. Seterusnya sepanjang Jalan Mohd. Akil. hingga bertembong dengan Sungai Soga terus ke bawah hingga bertemu dengan Sungai Besar tadi. Akhir sekali mengikut tebing sungai Besar memanjang hingga ke tempat permulaan tadi.<sup>21</sup>

Tidak boleh dinafikan lagi akan pentingnya Lembaga Bandaran ini, yang menambahkan lagi cekapnya pentadbiran daerah. Antara tugas penting Lembaga itu ialah: menyediakan bekalan air, parit, taliair, kebersihan dan kesihatan, pelesenan dan lain-lain lagi.<sup>22</sup>

Untuk tujuan-tujuan pentadbiran, Lembaga ini telah dianggotai oleh pentadbir daerah itu dibantu oleh pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil orang ramai. Dalam tahun 1917 anggota Lembaga Bandaran Bandar Penggaram terdiri dari:<sup>23</sup>

Ungku Ahmad, Pesuruhjaya Kerajaan	- Presiden
J.D. Hall, Penolong Penasihat	- Naib Presiden
Ahli Jawatankuasa:	
Mohd. Doon Tahir <sup>24</sup>	
M. Casey (Jurutera Kerja Air)	
Ismail Mohd. Doon (Penolong Jurutera Daerah)	
Penghulu Rahmat Ragam <sup>25</sup>	
Penolong Pegawai Perubatan Daerah	
Taukeh Lim Soo Poon <sup>26</sup>	

---

<sup>21</sup> *JGG*, 1912 Jan., 18, ms. 3.

<sup>22</sup> *JGG*, 1911 Nov., 30, ms. 223.

<sup>23</sup> *JGG*, 1916, Dis. 31. Sebelum tahun 1912 pentadbiran Lembaga Bandaran dijalankan oleh Presiden Lembaga Bandaran Johor Bahru.

<sup>24</sup> Beliau adalah Bendahari Pejabat Daerah itu, merangkap Syahbandar dan Ketua Pejabat Pelajaran Daerah dan berpangkat Kepten sebagai Pegawai Pemerintah Kompeni Pasukan Sukarela (*Johore Volunteer Force*) di Batu Pahat.

<sup>25</sup> Beliau ialah Penghulu Mukim Simpang Kanan – bersama-sama Datuk Bentara Luar memajukan 'Bandar Penggaram.' Jasanya diabadikan dengan menamakan sebatang jalan besar bandar itu sebagai 'Jalan Rahmat.'

<sup>26</sup> Beliau telahpun menetap di Batu Pahat sejak tahun 1870, mengusahakan kedai-kedai runcit, berkebudu sago dan gambir dan memajak sago. Beliau salah seorang Cina yang berpengaruh di Batu Pahat dan juga seorang taukeh kaya di Batu Pahat. Beliau juga menjadi ahli jawatankuasa Lembaga Pelesenan Batu Pahat.

Sehingga tahun 1917, Lembaga Bandaran itu sudahpun dapat melaksanakan tugas-tugas utama menurut *Enactment* Lembaga Bandaran.

Unit pentadbiran ketiga pula ialah 'Mukim', yang dapat ditaariffkan sebagai sekumpulan kampung-kampung yang berada di satu-satu kawasan tertentu. Kampung-kampung itu diletakkan di bawah pentadbiran pusat kampung yang diketuai oleh Orang Kaya-Kaya atau Penghulu-Penghulu. Sehingga tahun 1917 terdapat 10 buah mukim di Batu Pahat. Dua dipimpin oleh Orang Kaya-Kaya dan yang lain pula di bawah Penghulu-Penghulunya.

Adalah salah tanggapan jika dikatakan di abad ke 19 sudah ada institusi Mukim dan Pimpinan Penghulu. Lumrahnya di abad itu Penghulu adalah ketua sebuah kampung yang besar-besar. Jawatan Penghulu adalah jawatan 'ascribed,' namun begitu beberapa kerabat penghulu-penghulu itu membuka kampung-kampung berhampiran. Tidaklah hairan jika Ketua-ketua Kampung yang baharu itu 'merujuk kuasa' dan masalah-masalah kepada Penghulu itu kerana masih ada kaitan kekeluargaan. Tetapi dapatlah dikatakan asas 'merujuk kuasa' itu sebagai dasar pembentukan 'Mukim'

Kehadiran 'Mukim' sudah jelas dalam tahun 1910 bila pemerintah negeri menguatkuasakan 'Undang-undang Tanah' dan pelaksanaan 'Rejister Mukim' (Mukim's Register).<sup>27</sup> Ini ditambah lagi dengan perkembangan penempatan.

Mulai tahun 1910 Orang Kaya-Kaya dan Penghulu dinaikkan taraf mereka adalah dilantik oleh Kerajaan dan mengetuai kumpulan kampung. Malah mereka juga diberi kuasa memilih Naib-naib Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang mereka naongi. Terdapat 9 buah Mukim yang Penghulu dan Orang Kaya-Kayanya ditauliahkan.<sup>28</sup>

Dalam menjalankan tugasnya penghulu-penghulu menyampaikan arahan-arahan pemerintah kepada anak buah di Mukimnya, disebaliknya juga beliau sebagai wakil penduduk mukim itu dalam menyampaikan segala-segala hal mukimnya kepada pemerintah.<sup>29</sup>

---

<sup>27</sup> Ibrahim Abd. Rahman, *Buku Panduan Penghulu*, Johor Bahru, 1951, *passim*.

<sup>28</sup> Lihat *List Nama Orang Kaya-kaya dan Penghulu, 1912*, ms. 1 - 2. Dua dari mukim itu, Sungai Buluh dan Parit Bakong telah digantikan namanya pada tahun 1917.

<sup>29</sup> Ibrahim *Buku Panduan*, 1.



Mengenai Orang Kaya-Kaya dan Penghulu-penghulu Besar itu dinyatakan gelaran ini ialah hak Raja dan YMM itu boleh mengurniakan-nya kepada sesiapa juga yang telah bekerja dengan taat setia dan berjasa kepada negeri ini.<sup>30</sup>

Sistem Mukim dan Penghulu serta Orang Kaya-Kaya itu disusun semula dalam tahun 1917. Mereka tidaklah menerima ransum dari anak buah tetapi menerima gaji dari pemerintah. Berikutan dari penyusunan semula itu 10 buah mukim telah dinamakan.<sup>31</sup> Lubuk - Kamaruddin Jumaat; Bagan - O.K. Jaafar Sidek; Peserai - Hj. Mohd. Siraj Mohd. Yasin; Simpang Kiri - Mohd. Saad Kitam; Simpang Kanan - Abd. Kadir Rahmat; Linau - Kassim Ragam; Tanjung Sembrong - Radin Harafi; Sri Gading - Yusof Abdullah; Minyak Beku - O.K. Asrakal Ismail. dan Kampung Bahru - Hj. Sulaiman Bawak.

Selepas tahun 1917, Mukim-Mukim itu bertambah lagi iaitu Mukim-Mukim Sungai Punggur, Sungai Keluang, Hulu Benut, Benut, Sungai Pangan, Macap, Cha'ah dan Mukim ke 18 dan terakhir ialah Sri Medan.<sup>32</sup>

Seterusnya kita bicarakan pula yunit pentadbiran terkecil tetapi penting iaitu kampung. Kampung-kampung ini terbahagi kepada tiga kategori, Kampung Melayu, Kampung Cina dan Kongsi Jepun. Sehingga tahun-tahun 1917 ketiga-tiga kategori ini mempunyai institusi kepimpinannya sendiri.

Dalam tahun-tahun 1880'an Kampung-kampung Melayu hanya diisi oleh orang Melayu sahaja, kecuali orang-orang Melayu Melaka dan Sumatera. Orang-orang Melayu lain seperti Jawa dan Bugis, Kurinci membuat perkampungan yang lebih 'regionalistik'. Muncul disitu kampung yang dipenuhi hanya oleh orang Jawa, Bugis dan Arab sahaja mengikut kampung-kampungnya. Bolehlah disifatkan bahawa kampung-kampung yang asal itu biasanya menjadi pusat kampung-kampung lain dan menjadi mukim kemudiannya.

Untuk menubuhkan sebuah kampung adalah perlu “. . . . . mengandungi seratus dua buah rumah atau dalam beberapa buah kampung

---

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Daud Sulaiman, *Tawarikh Orang Kaya-kaya*, 48.

<sup>32</sup> Sekarang terdapat tiga belas Mukim, mukim yang terkeluar itu masuk ke Daerah Segamat dan Pontian. Lihat *Kemajuan Negeri Johor 1969*, Johor Bahru, 1970, 252.

yang mengandungi beberapa buah rumah, dalam tiap-tiap satu kampung itu bolehlah diangkat seorang Ketua Kampung dan Ketua-ketua Kampung dikecualikan dari cukai tanah.<sup>33</sup> Ketua-ketua Kampung ini diletakkan di bawah pentadbiran mukim yang dikepalakan oleh Penghulu atau Orang Kaya-Kaya.

Di awal abad kedua puluh orang Cina telahpun sama-sama mendiami kampung Melayu dan mereka diletakkan di bawah Ketua Melayu yang sama. Dalam tahun 1910 tidak kurang 110 kampung di Batu Pahat dan masih bersifat 'Regionalisma.'

Sejak di dekad ketiga abad sembilan belas, kumpulan orang-orang Cina membuat petempatannya sendiri yang dikenali sebagai *kangkar*. Di abad itu kurang lebih 13 buah kangkar kedapatan di tebing-tebing hulu sungai.<sup>34</sup> Tiap-tiap kangkar ditadbirkan oleh seorang 'Kangcu'<sup>35</sup> yang bertanggung-jawab dalam semua hal kangkarnya, seperti juga kuasa-kuasa Ketua-Ketua Kampung, sekadar kuasanya juga meliputi hal-hal tanaman dan pengeluaran gambir dan lada di kargkar-kangkarnya. H. Lake yang pernah menjalankan kerja-kerja pengukuran di Johor dalam awal tahun 1890'an dengan jelas memberikan perihal perkampungan Cina itu:

*"Each group of plantations possesses what is known as a 'kangka' or village. Here besides the various syndicates, or 'kongsis' of Chinese speculations. The gambling-house, with the opium store, is also here. Around the central buildings, which are often of a substantial character, are grouped the shops and stores, the eating-house and innumerable pig-pens, - every thing built on the ground, of bamboo and round poles thatched with palm leaf."*<sup>36</sup>

Kangkar-kangkar itu bertambah tahun demi tahun. 'Maka dalam hal memerintah Orang-orang Cina yang telah semakin ramai dijadikan

---

<sup>33</sup> Ibrahim, *Buku Panduan*, 1.

<sup>34</sup> *Surat Keterangan Membuka Kebun Johor 1360 - 1320*, (SKMKJ), *passim*; lihat peta-peta Johor yang dilukis oleh Datuk Luar di Arkib Negeri Johor (ANJ).

<sup>35</sup> Untuk huraian lanjut tentang 'Sistem Kangcu' sila lihat *Undang-undang Kangcu, 1873*, ANJ; A.E. Coope, "The Kangcu System in Johore" dalam *JMBRAS*, Vol. 14, Bahagian 3, 1926, ms. 247 - 62; dan J.C. Jackson "The Chinese, Agricultural Pioneering in Singapore and Johore" dalam *JMBRAS*, Vol. 38, Bahagian 1, 1965, ms. 77 - 104.

<sup>36</sup> Petikan didalam J.C. Jackson, *Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786 - 1921*, Kuala Lumpur, 1968, ms. 21.

seorang 'Mayor' daripada bangsa Cina ialah Tan Bok Nee ...<sup>37</sup> bagi mewakili dan menentukan kebajikan orang-orang Cina seluruh negeri untuk kesejahteraan orang Cina, pemerintah Johor telah mengadakan jawatan Penguasa Pelindung Orang-orang Cina dan di daerah Batu Pahat pula ditempatkan Penolong Penguasa Pelindung Orang-orang Cina yang mengawal hal-hal candu dan kesejahteraan kangkar.

Kangkar-kangkar yang tumbuh di abad 19 itu mencapai puncak perkembangan di tahun 1905 bila mana lebih 30 kangkar kedapatan telah ujud.<sup>38</sup> Tetapi dari tarikh itu juga kemerosotan jumlah kangkar mula menjalar. Pemerintah Johor telah memutuskan pembubaran sistem kangcu, tegasnya mengakhiri riwayat seluruh kangkar.

Jika di abad 19 kesemua hal-hal kangkar dilapurkan di Johor Bahru. Tetapi mulai tahun 1893 Pesuruhjaya Kerajaan Daerah pula mengambil alih setengah-setengah tugas di Johor Bahru. Kangcu-Kangcu masih terus berhubung dengan 'Mayor' Cina yang menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri, tetapi kuasa-kuada kangkar-kangkar berakhir pada Disember 1917 dan dari saat itu orang Cina diletakkan di bawah pentadbiran Mukim-mukim dan Daerah. Malah di beberapa tempat orang Cina mula membuat kediaman di Kampung-kampung Melayu.

Orang Jepun juga ada petempatannya sendiri dan di antara kampung yang terkenal ialah Sango Kongshi. Mereka mengusahakan getah para dan lombong-lombong. Keujudan kongsi Jepun ini juga berakhir dengan pembukaan Ladang-ladang Getah yang perlukan buruh dari berbagai bangsa itu.

## RUMUSAN

Jika kita membandingkan pentadbiran Johor khususnya Batu Pahat dengan pentadbiran di Perak diketika yang sama, nyata Johor mencipta satu *kelainan* dalam pola pentadbiran tradisi mahupun yang moden. Kita dapati sistem susun lapis Orang Besar-Besar tidak jelas, walaupun ada gelaran-gelaran Datuk Penggawa Barat, Datuk Bentara Luar, Datuk Sri Amar Di Raja tetapi tidak semua mereka ini memegang kuasa-kuasa Daerah. Namun apa yang jelas ialah pembesar-pembesar bergelar memegang tugas Jabatan atau Daerah tertentu yang ia tiada mempunyai kuasa otonomi. Sebelum kemasukan pentadbir Inggeris seluruh Johor dalam negeri Johor adalah dipegang oleh anak negeri itu sendiri. Johor dapat membuktikan

---

<sup>37</sup> H. Mohd. Said, *Malaya*, Bahagian 3, P. Bm. P. B. Johor Bahru, 1939 ms. 36.

<sup>38</sup> Angka ini dianggarkan dan dipetik dari *Surat Jual Beli bahagian Sungai Johor, 1896 - 1916, passim* dan *SSD*, 1885, ms. 173.

orang Melayu boleh mentadbir negeri sendiri tanpa nasihat Inggeris yang 'mengikat'. Namun hakikat tidak dapat menafikan Penolong Penasihat Inggeris hingga 1917 betul-betul 'menasihati' dan menjalankan kerja-kerja yang ditetapkan. Kehadiran Pegawai-Pegawai Inggeris menambah cekap lagi pentadbiran Daerah. Seperti biasa Inggeris tidak mahu ada 'penghalang' cita-cita kolonialismanya, mereka mahu Jawatan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya kerajaan dan Datuk-Datuk Penggawa yang memegang Daerah itu hapus. Tetapi hasrat itu terbantut, Jawatan Pesuruhjaya Kerajaan Daerah terus kekal hingga pendudukan Jepun. Di Peringkat Kampung pula, *Sistem Kang-cu* berakhir dalam tahun 1917 begitu juga *Sango Kongshi*. Namun institusi Pentadbir kepimpinan kampung Melayu terus diamalkan dengan sedikit pindaan, kerana '*ascribed status*' digantikan dengan Penghulu-Penghulu dan Naib yang dilantik oleh kerajaan.

---